

## **HALALAN TAYYIBAN DALAM KERANGKA PERUNDANGAN MALAYSIA**

**(*Halalan Tayyiban in the Malaysian Legal Framework*)**

*Harlida Abdul Wahab*  
harlida@uum.edu.my

*Alias Azhar*  
az.alias@uum.edu.my

Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia,  
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.  
Tel.: +6049283018

### **Abstrak**

Halal bukan sekadar bermaksud sesuatu produk itu boleh dimakan disebabkan tiada larangan oleh hukum syarak. Halal turut meliputi maksud “baik” (*tayyib*) yakni bersih, suci, selamat, berkualiti dan tidak memudaratkan. Oleh itu keperluan masyarakat Islam kepada produk halal semata-mata tidak memadai, sebaliknya mereka perlu benar-benar memahami dan mengaplikasikan konsep halal dan baik (*halalan tayyiban*). Aspek halal, khususnya untuk produk makanan, dijamin di bawah kerangka perundangan Malaysia melalui pendekatan mekanisme undang-undang dan institusi. Makalah ini menghuraikan konsep *halalan tayyiban* dari perspektif syariah, dan kemudian mengaitkannya dengan undang-undang sedia ada. Penulis merumuskan bahawa konsep *halalan tayyiban* wujud dan diaplikasikan melalui undang-undang yang pelbagai.

Kata kunci: halal, undang-undang, syariah, makanan, produk, *halalan tayyiban*

### **Abstract**

*Halal does not simply indicate a product as edible for not being prohibited by shariah, but should encompass the meaning of tayyib (good), i.e. clean, hygienic, safe, of good quality and not being harmful. Therefore, the need in Muslim society for products that are merely halal is insufficient, instead it is necessary to truly understand and apply the concept of halalan tayyiban (halal and good). The aspect of halal, particularly for food products, is guaranteed under the Malaysian legal framework through legal and institutional mechanisms. This article elaborates on the concept of halalan*

*tayyiban from the shariah perspective, and subsequently relates it to the relevant laws. The writers conclude that the concept of halalan tayyiban exists and is applied through various laws.*

*Keywords:* halal, law, shariah, food, product, halalan tayyiba

## PENGENALAN

Menyebut tentang produk halal khususnya makanan, konsep halal dari sudut syariah perlu difahami dengan menyeluruh kerana halal bukan sekadar bermaksud produk yang boleh dimakan dari segi hukum syarak tetapi juga meliputi maksud “baik” (*tayyib*) bererti bersih, suci, selamat dan berkualiti. Oleh itu, halal semata-mata tidak memadai tetapi masyarakat Islam perlu benar-benar faham dan mengaplikasi makna *halalan tayyiban*. Kita sedia maklum bahawa penghasilan sesuatu produk merangkumi proses tertentu bermula pada peringkat pemilihan dan penyediaan bahan, proses pengilangan, pengeluaran, penyimpanan, pemindahan, pengedaran sehingga produk tersebut disajikan kepada pengguna. Umumnya, kehalalan sesuatu produk meliputi seluruh proses rangkaian yang bermula daripada sumbernya.

Bagi memastikan aspek kehalalan sesuatu produk terjamin, Malaysia memiliki kerangka perundangan yang menyeluruh meliputi pendekatan mekanisme undang-undang dan keinstitusian dengan melantik pihak berkuasa dan agensi tertentu bagi tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang. Tujuan makalah ini adalah untuk mengkaji dan mengaitkan konsep *halalan tayyiban* dengan peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia. Makalah ini dimulakan dengan menghuraikan maksud halal dan *halalan tayyiban* dari perspektif Syariah. Hujah dan keterangan berlandaskan sumber muktabar di samping mengambil kira pandangan mazhab dan ulama tersohor. Melalui pendekatan analisis kandungan, konsep ini seterusnya dikaitkan dengan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa bagi melihat sejauh mana kewujudannya dan aplikasinya dalam undang-undang Malaysia. Perbincangan berkaitan kerangka perundangan merujuk undang-undang yang berkaitan dengan aspek halal dan juga produk makanan, iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 bersama-sama Perintah-perintah yang berkaitan dengan halal. Selain itu, turut dianalisis Akta Makanan 1983 dengan Peraturan-peraturannya yang relevan melalui kaedah interpretasi statut.

## DEFINISI HALALAN TAYYIBAN

Terminologi “halal” membawa maksud yang luas dan sinonim mengenai tatacara hidup orang Islam yang menitikberatkan aspek *halalan tayyiban*, iaitu kesucian, amalan kebersihan dan kehidupan yang sihat serta halal

(Mohamed Jusoh, 2001; Halim Ahmad, 2001). Sehubungan itu, makanan yang halal dan baik mampu membentuk keterampilan peribadi seseorang yang akhirnya menyumbang kepada pembentukan ummah. Sebagai umat Islam kita wajib memastikan sumber makanan dan minuman adalah halal dan memenuhi panduan pemakanan syariat Islam (*Surah al-Baqarah* 2:168).

Halal merupakan kata nama bahasa Arab. Kata dasar *halla*, *yahillu*, *hillan* yang membawa erti membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan membolehkan (Abdul Aziz *et al.*, 1997). Terma halal berlawanan dengan haram (Wizarah al-Awqaf, 1990), atau terkeluar daripada sesuatu yang haram (Ibn Manzur, t.t. & al-Masih, 1993). Menurut *Kamus Dewan* (2005), halal didefinisikan sebagai hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperboleh (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan.

Aspek istilah pula, halal bererti dibolehkan, manakala haram pula sesuatu yang dilarang (Qal'ahji, 1996; Ibn Manzur, t.t.; al-Amidi, 1980). Selain itu, halal menurut al-Qaradhawi (1994), sesuatu yang diharuskan, yang tiada ikatan larangan padanya dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Secara jelasnya, halal ialah sesuatu yang bersifat harus dan diizinkan syarak (Wizarah al-Awqaf, 1990). Al-Ghazali (2000) dan al-Qaradhawi (2002) turut menjelaskan maksud halal, iaitu merangkumi semua sumber utama makanan manusia sama ada daripada haiwan, tumbuhan, bahan semula jadi, bahan kimia dan mikroorganisma yang terkandung hukum antara halal dan haram. Perbahasan halal dan haram turut melibatkan produk berunsur bioteknologi dalam makanan dan barang kegunaan lain, seperti pakaian, peralatan dan kosmetik.

Berpandukan definisi bahasa dan istilah tersebut, dapat dirumuskan bahawa halal merujuk sesuatu yang bersifat harus hukumnya di sisi syarak untuk manusia makan, guna, bermuamalah dan sebagainya. Sehubungan itu, istilah halal juga diungkapkan dengan istilah lain dalam al-Quran seperti *al-toyyibat* – yang baik (*Surah ali-Imran* 3:179), *mubahish* – yang dibolehkan (*Surah al-Maidah* 5:100), *jawaz* – boleh (*Surah al-Nisa'* 4:2) dan *ihsan* – baik (*Surah al-A'raf* 7:157).

Halal merangkumi segala aspek termasuk produk makanan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, takrif “halal” merangkumi produk dan perkhidmatan yang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain bagi menunjukkan boleh digunakan oleh pengguna Islam (Zawanah Muhammad *et al.*, 2008). Al-Quran menjelaskan secara terperinci tentang halal dan haram dalam aspek pemakanan (*Surah al-Baqarah* 2:172-73). Matlamat syariat Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia (al-Buti, 1982) bagi kehidupan di dunia dan akhirat (Ibn Qayyim, 1993). Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Allah SWT telah menjelaskan sepenuhnya kepada manusia yang baik dan yang buruk

serta yang halal ataupun yang haram demi kebaikan hidup manusia dunia dan akhirat. Perkara yang halal akan memberi kesan positif dan bermanfaat, sedangkan yang haram bakal mendatangkan kemudaratan dan *mafsadah* (keburukan) kepada manusia (al-Qardhawi, 1994). Implikasi pengambilan dan penggunaan produk makanan yang tidak halal ialah balasan azab di akhirat kelak (al-'Asqalani, 1997).

Penjelasan berkenaan halal dan haram dan kewajipan mencari yang halal dan baik banyak dirakamkan dalam al-Quran dan hadis, antaranya:

1. “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang ketika disembelih disebut nama selain daripada nama Allah.” (*Surah al-Baqarah* 2:173)
2. “Katakan, tidaklah aku perolehi dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya kecuali kalau makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain daripada nama Allah.” (*Surah al-An'am* 6:145)
3. “Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.” (*Surah al-Maidah* 5:99).
4. Anas bin Malik meriwayatkan daripada Rasulullah SAW bersabda: “Mencari yang halal adalah suatu kewajipan atas setiap Muslim” (al-Thabarani, t.t.; al-Haithami, 1412H).

Ibn Kathir (t.t.) dalam kitab *Tafsir Ibn Kathir* menyatakan bahawa perkataan *tayyiba* itu membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi tabiat dan syarak. *Tayyiba* merangkumi dua perkara, iaitu soal fizikal dan kerohanian. *Tayyiba* mestilah selari dengan syariat, tidak bercanggah dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah SWT. Makanan yang halal di sisi syarak ialah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas daripada sebarang kemudaratan. Sebaliknya, sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, mahal harganya, enak baunya tetap keji di sisi Allah SWT. Daripada sumber inilah lahirnya falsafah kepenggunaan yang menekankan konsep halal dan baik atau disebut sebagai *halalan toyibya*. Konsep ini bukan sahaja terpakai kepada orang Islam tetapi juga seluruh masyarakat secara am kerana barang yang baik dan bersih merupakan keperluan setiap individu (Noor 'Ashikin Hamid & Nur Amani Pauzai, 2008).

Yang lebih menarik tentang konsep makanan dan rezeki halal yang disebut dalam al-Quran ialah kata sifat *tayyib* yang diungkap secara bersama (*Surah al-Nahl* 16:114). *Tayyib* (atau *tayyibah*, *tayyibat* atau *tuuba* sebagai jamak) dari segi makna ialah sesuatu yang baik atau berkualiti atau yang

berlawanan dengan yang buruk. Jadi apabila disebut *halalan tayyiban* memberi maksud sesuatu yang halal dan bersifat baik atau elok (Nina *et al.*, 2005).

Secara teori, makanan halal disifatkan sebagai makanan yang meliputi haiwan darat, haiwan dalam air, tumbuhan, bahan semula jadi dan bahan kimia. Semua haiwan darat halal kecuali haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak, babi dan anjing. Selain itu, haiwan yang mempunyai taring atau gading yang digunakan untuk membunuh, seperti harimau. Haiwan yang disyariatkan oleh Islam untuk dibunuh, seperti tikus, burung yang mempunyai kuku pencakar, paruh tajam dan makan menyambar seperti helang. Haiwan yang dipandang jijik, seperti kutu, haiwan yang hidup dua alam (air dan darat) seperti katak (Zarina Zakaria, 2004).

Semua jenis haiwan dan tumbuhan yang dihasilkan oleh bioteknologi adalah halal kecuali yang berasal daripada haiwan seperti anjing atau babi. Anjing dan babi merupakan haiwan yang tidak dibenarkan makan mengikut mazhab Syafii (Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, 2000). Secara ringkas, semuanya halal dimakan kecuali yang membahayakan kesihatan manusia, beracun serta berbisa dan memabukkan. Bagi semua tumbuhan, minuman, bahan semula jadi, bahan kimia adalah halal kecuali yang membahayakan kesihatan manusia, beracun serta berbisa dan memabukkan (al-Ghazali, 2000; al-Qaradhwai, 2002).

Perbincangan konsep makanan halal turut dibuat berdasarkan Qawa'id Fiqhiyyah<sup>1</sup> (al-Zarkasyi, 2000). Sifatnya bukan merupakan suatu dalil syarak yang menentukan hukum secara mutlak sebaliknya merupakan suatu kesimpulan hukum yang terhasil dalam bentuk kaedah dan prinsip. Hasil hukum daripada kes berkaitan yang pelbagai mempunyai persamaan pada 'illah (alasan hukum) dan konsep umum hukum secara keseluruhannya. Secara ringkasnya, merujuk mazhab al-Shafii, kaedah fiqh yang diterima pakai ialah, "asal sesuatu adalah harus" (al-Zarqa', 1989; al-Nadwi, 2004). Imam al-Shafii berpendapat bahawa asal sesuatu makanan dan minuman adalah harus (halal) kecuali apa-apa yang diharamkan oleh Allah dalam al-Quran dan al-Sunnah (Mohamad Kamal, 1995). Berdasarkan kaedah tersebut, hukum asal bagi semua makanan dan minuman adalah halal sehinggalah ada dalil yang menyatakan pengharamannya.

Walau bagaimanapun, penilaian hukum halal sesuatu makanan dan minuman yang dibuat berdasarkan kaedah fiqh di atas perlu juga mengambil kira beberapa kaedah yang berkaitan dengan permasalahan produk makanan Muslim. Kaedah tersebut seperti: (a) kemudaratan perlu dielakkan (al-Nadwi, 2004; al-Zarq', 1989); (b) apabila bercampur antara halal dan haram maka hukumnya haram (al-Nadwi, 2004); (c) keadaan darurat mengharuskan

<sup>1</sup> Kaedah asas yang terbina berdasarkan pengetahuan dalam hukum-hukum syariah yang praktikal, diperoleh daripada dalil *tafsiliyyah*.

yang haram (al-Zarqa', 1989); (d) apa-apa yang diharuskan ketika darurat hanya sekadar keperluannya sahaja (al-Zarq', 1989); dan (e) hukum yang telah sabit dengan alasan hukumnya tidak boleh dipinda (al-Nadwi, 2004).

Sehubungan itu, al-Qaradawi (1994) dalam kitab *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* telah menggariskan sebelas prinsip asas berkaitan halal dan haram dalam Islam seperti yang berikut:

1. Asal bagi sesuatu perkara adalah harus.
2. Kuasa menghalalkan dan mengharamkan sesuatu adalah hak mutlak Allah.
3. Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram adalah sama dengan syirik.
4. Mengharamkan yang halal boleh mengakibatkan timbulnya kemudaratian.
5. Perkara yang halal tidak memerlukan lagi perkara yang haram.
6. Perkara yang membawa kepada haram adalah haram.
7. Berhelah dalam perkara yang haram adalah haram.
8. Niat yang baik tidak dapat menghalalkan yang haram.
9. Menghindarkan diri daripada perkara syubhah kerana bimbang terlibat dengan haram.
10. Sesuatu yang haram adalah haram untuk semua orang.
11. Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang (haram).

Ringkasnya, Allah SWT mengharuskan kita makan bukan terhenti setakat memakan makanan yang halal semata-mata, bahkan melangkaui ke satu tahap yang lebih daripada itu. Kita disuruh memakan makanan yang halal yang bersifat elok atau tinggi mutunya. Mencari sesuatu yang halal untuk dimakan atau digunakan dalam kehidupan sehari-hari merupakan suatu kewajipan yang difardhukan oleh Allah SWT atas setiap Muslim (Mohamad Kamal, 1995). Sehubungan itu, mengambil yang halal dapat menambah cahaya iman dan memakbulkan doa seseorang, serta diterima ibadahnya. Kesan mengambil yang haram pula adalah sebaliknya (Ibn Kathir, t.t.; al-Ghazali, 1998).

Konsep halal dalam Islam turut mengambil berat tentang punca, sumber dan kebersihan makanan, cara memasak, menghidang dan memakan makanan, dan akhir sekali cara membuang sisa makanan (Mohd Hamim Rajikin, Baharudin Omar & Suhana Sulaiman, 1997). Hal ini bertujuan bagi menjamin keselamatan dan kemaslahatan ummah daripada kesan kemudaratian dan risiko yang tinggi kepada kesihatan. Selain itu, makanan yang baik akan menentukan kehidupan peribadi yang baik. Oleh itu, semua yang terlibat dalam industri makanan hendaklah memastikan bukan sekadar makanan yang disediakan halal, malah segala aspek pemprosesan dan

penyediaannya perlu memenuhi takrifan suci dan bersih.

Kedaan ini juga terpakai untuk konsep “halal” dan *halalan tayyiban*. Konsep ini perlu dipatuhi oleh umat Islam secara menyeluruh. Perspektif penuh nilai dalam kehidupan berlandaskan agama Islam. Konsep *halalan tayyiban* dapat mendatangkan pelbagai kesan positif untuk semua aspek kehidupan manusia. Tidak terkecuali juga sektor ekonomi, kesannya yang paling ketara dapat dilihat menerusi perkembangan pesat dalam industri makanan halal di serata dunia. Dalam konteks industri makanan, bukan sekadar makanan perlu halal dan *tayyib*, malah premis makanan termasuk premis yang memproses dan mengeluarkan bahan makanan, bahan bagi memproses dan membuat makanan, dan juga premis menjual makanan perlu memenuhi konsep ini. Sehubungan itu, keseluruhan proses bermula daripada sumber perlu dipatuhi bagi memenuhi konsep *halalan tayyiban*.

Matlamat pensyariatan hukum-hakam dalam Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia bagi kehidupan di dunia dan di akhirat. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Allah SWT telah menjelaskan sepenuhnya kepada manusia, yang baik dan yang buruk, yang halal dan yang haram, untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat. Pada asasnya, sesuatu benda atau sesuatu perbuatan itu tidak terlepas daripada lima perkara, iaitu halal, haram, sunat, makruh dan harus. Bagi perkara yang halal secara mutlak, kita disuruh oleh Allah SWT untuk memakan atau menggunakan, manakala yang haram kita disuruh untuk menjauhinya. Mencari sesuatu yang halal untuk dimakan atau digunakan dalam kehidupan sehari-hari merupakan suatu kewajipan yang difardukan oleh Allah SWT atas setiap Muslim.

## **KERANGKA PERUNDANGAN *HALALAN TAYYIBAN***

Berdasarkan perbincangan *halalan tayyiban*, penulis cuba mengaitkan konsep ini dengan kewujudan dan aplikasinya di bawah kerangka perundangan Malaysia. Berhubung dengan kerangka perundangan halal di Malaysia, penulis mengenal pasti beberapa perundangan tertentu yang peruntukannya secara langsung dan tidak langsung mempunyai kaitan dengan halal. Undang-undang yang dimaksudkan ialah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Makanan 1983 yang secara khusus berkaitan dengan aspek halal (*halalan*) dan bersih (*tayyiban*). Akta Perihal Dagangan 2011 merupakan undang-undang yang memperuntukkan aspek halal dengan penggunaan logo halal melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Akta Makanan 1983 pula dikaji kerana bertepatan dengan konsep *halalan tayyiban* bagi produk makanan, yang menekankan aspek kesihatan, kebersihan dan kualiti makanan.

## Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011)

Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) merupakan perundangan terkini yang berkuat kuasa pada Januari 2011. APD 2011 dibentuk bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972 dengan beberapa pindaan khususnya yang melibatkan peruntukan halal melalui Perintah-perintah yang diluluskan. Objektif utama APD 2011 adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang dan perkhidmatan, serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.<sup>2</sup>

Meneliti objektif APD 2011, jelas menunjukkan kesediaan undang-undang untuk mengenakan tanggungjawab dan liabiliti terhadap pengusaha atau peniaga. Keadaan ini berbeza dengan prinsip *caveat emptor* yang meletakkan tanggungjawab kepada pembeli untuk mengetahui tentang sesuatu produk dan mengambil langkah berjaga-jaga berhubung dengan sebarang kecacatan, jika ada. Berkaitan dengan aspek kehalalan produk, pengusaha dan peniaga dilarang memperihalkan cap dagangan dan pernyataan palsu termasuk aspek pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan.

Selain menyediakan platform umum berkaitan dengan amalan perdagangan yang baik, APD 2011 menjadi titik tolak kepada pelaksanaan sijil dan perakuan halal yang standard di Malaysia. Melalui seksyen 28 dan 29, APD 2011 memberi kuasa kepada Menteri, yakni Menteri KPDKKK, untuk mewujudkan peruntukan atau peraturan khusus yang berkaitan dengan penggunaan barang atau perkhidmatan tertentu. Hasilnya, digubal dua perundangan khas berhubung dengan aspek kehalalan produk, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Dengan wujudnya perundangan berkaitan perihalan halal ini dapat memastikan produk yang diperihalkan sebagai halal benar-benar halal menurut maksudnya, khususnya dari sudut pematuhan Syariah.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 (selepas ini disebut sebagai Perintah Takrif Halal) mula berkuat kuasa pada tarikh 1 Januari 2012.<sup>3</sup> Perintah Takrif Halal yang diwujudkan ini sekali gus membatalkan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975.<sup>4</sup> Perintah ini mengandungi peruntukan berkaitan dengan tafsiran, takrifan halal,

<sup>2</sup> Tajuk Panjang, Akta Perihal Dagangan 2011

<sup>3</sup> Perkara 1(2), Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

<sup>4</sup> Perkara 6, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

perkara yang menunjukkan kesalahan memperdaya dan mengelirukan, di samping penalti yang semuanya akan dihuraikan selanjutnya.<sup>5</sup>

Menurut Perintah Takrif Halal,<sup>6</sup> apabila suatu makanan atau barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:

- (a) tidak terdiri daripada atau tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang dilarang hukum syarak dan fatwa atau tidak disebelih mengikut hukum syarak dan fatwa;
- (b) tidak mengandungi unsur najis mengikut hukum syarak dan fatwa;
- (c) tidak memabukkan mengikut hukum syarak dan fatwa;
- (d) tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan hukum syarak dan fatwa;
- (e) tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- (f) tidak disediakan, diproses atau dikelang menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak dan fatwa; dan
- (g) tidak dalam masa penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi syarat (a) dan (b).

Semua perkara yang disenaraikan tersebut adalah untuk memenuhi maksud halal. Jika diteliti perkara (b), (c), (e), (f) dan (g) pula meliputi maksud *tayyiba*. Dalam erti kata lain, takrifan di bawah Perkara 3 ini menepati konsep *halalan tayyiban* sepertimana yang dibincangkan, malahan selari dengan syariat Islam.

Perintah ini turut mentafsirkan “hukum syarak” sebagai undang-undang Islam mengikut mazhab Syafii, atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu daripada mazhab lain sama ada Hanafi, Maliki atau Hanbali yang telah dipersetujui oleh Yang Di-Pertuan Agong untuk dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja mana-mana negeri untuk dikuatkuasakan di negeri masing-masing.

Selain maksud halal yang ditakrifkan secara khusus di bawah Perkara 3, Perintah Takrif Halal mentafsir “makanan” sebagai termasuk “tiap-tiap barang yang dikelangkan, dijual atau digambarkan untuk digunakan sebagai makanan atau minuman bagi kegunaan manusia atau yang memasuki ke

<sup>5</sup> Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 [P.U. (A) 430/2011] mengandungi enam perkara, iaitu: (1) nama dan permulaan kuat kuasa; (2) tafsiran; (3) halal dan ungkapan lain yang ditakrifkan; (4) kesalahan bagi memperdaya atau mengelirukan; (5) penalti; dan (6) pembatalan.

<sup>6</sup> Perkara 3, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

dalam atau digunakan dalam komposisi, penyediaan, pengawetan, manama makanan atau minuman bagi kegunaan manusia dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa bahan bagi makanan, minuman, konfeksi atau bahan kunyahan itu”.<sup>7</sup> Sesuatu makanan atau barang yang diperihalkan sebagai halal seharusnya turut meliputi perkhidmatan berhubung dengan makanan atau barang itu, iaitu termasuk keseluruhan proses, seperti pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang tersebut. Untuk itu, apabila sesuatu produk makanan diperihalkan sebagai halal, perkhidmatan dan usaha yang berkaitan dengannya hendaklah turut dilaksanakan mengikut hukum syarak. Hal ini selari dengan tafsiran Perintah Takrif Halal berhubung dengan maksud “perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang” yakni termasuk “pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang-barang tersebut”.<sup>8</sup> Peruntukan yang menyebut bahawa apabila perkhidmatan berkaitan dengan makanan atau barang diperihalkan sebagai halal, atau dengan ungkapan lain yang menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, maka ungkapan tersebut bermaksud perkhidmatan itu dijalankan mengikut hukum syarak.<sup>9</sup>

Takrifan halal di bawah Perintah Takrif Halal ini, maksudnya lebih luas berbanding dengan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan dan Perbahasaan Halal) 1975 (selepas ini disebut sebagai Perintah 1975). Khususnya apabila ungkapan halal ditakrifkan tidak terhad kepada makanan sahaja tetapi juga barang. Selain itu, halal juga merangkumi perkhidmatan termasuk keseluruhan proses, penyajian, pengangkutan, penyimpanan dan peruncitan makanan atau barang itu sendiri. Sedangkan Perkara 3 Perintah 1975 menyatakan, “halal”, “ditanggung halal”, “makanan Islam” atau apa-apa istilah lain yang digunakan terhadap makanan yang bermaksud makanan tersebut: tidak mengandungi benda atau bahagian daripada binatang yang dilarang oleh hukum syarak memakannya atau tidak disembelih mengikut hukum syarak; tidak mengandungi benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak; tidak diselia, diproses atau dikilang dengan menggunakan alatan yang tidak bebas daripada apa-apa najis mengikut hukum syarak; dan tidak pada masa penyediaan, proses atau penyimpanan itu bersentuhan atau berdekatan dengan makanan yang tidak memenuhi kehendak di atas; atau apa-apa benda yang difikirkan najis mengikut hukum syarak.

Sehubungan itu, peruntukan undang-undang di bawah Perintah Takrif Halal amat bertepatan dengan apa yang dijelaskan oleh al-Ghazali (2000)

7 Perkara 2, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

8 Perkara 2, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

9 Perkara 3(2), Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

dan al-Qardhawi (2002) bahawa semua tumbuhan, minuman, bahan semula jadi, bahan kimia adalah halal kecuali yang membahayakan kesihatan manusia, beracun, berbisa dan memabukkan. Selain itu, perlulah selari dengan kaedah yang digariskan, seperti sesuatu kemudaratannya perlu dielakkan (al-Nadwi, 2004; al-Zarq', 1989), dan apabila bercampur antara halal dan haram maka hukumnya adalah haram (al-Nadwi, 2004). Dengan memperuntukkan bahawa makanan atau barang yang diperihalkan sebagai halal turut merangkumi perkhidmatan dan keseluruhan proses seperti pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang-barang tersebut, Perintah ini dilihat memenuhi konsep *halalan tayyiban*.

Perintah Takrif Halal turut mengandungi peruntukan berkaitan dengan kesalahan memperdaya atau mengelirukan.<sup>10</sup> Sebarang bentuk representasi atau perbuatan yang boleh memperdaya atau mengelirukan bahawa sesuatu makanan itu halal atau boleh dimakan oleh orang Islam merupakan suatu kesalahan. Sebagai contoh, isu penggunaan kalimah “Allah” dan “Bismillah” di restoran yang secara tidak langsung menggambarkan bahawa makanan yang disajikan adalah halal untuk pengguna Muslim. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/2011 turut menyebut bahawa tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap mana-mana premis yang menawarkan makanan, barang atau perkhidmatan yang tidak halal yang didapati memberangkan pekerjaanya memakai kopiah, songkok atau tudung seperti yang lazim dipakai oleh orang Islam. Amalan tersebut boleh mengelirukan atau memperdayakan orang Islam terhadap status halal barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis tersebut.

Maksud “representasi dan perbuatan” ini termasuklah penggunaan ayat suci al-Quran atau perkara atau objek yang berhubung dengan agama Islam, sama ada di premis makanan itu dijual atau pada bekas makanan. Dari sudut perundangan dan penambahbaikan kepada Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975, Perkara 4 ini amat baik kerana tafsiran halal tidak sahaja terhad kepada penipuan logo atau pensijilan halal tetapi diperluas meliputi aspek representasi atau perbuatan yang seolah-olah menunjukkan bahawa sesuatu produk itu halal.

Selain Perintah Takrif Halal yang dibentuk hasil daripada kuasa Menteri untuk mewujudkan peruntukan atau peraturan khusus yang berkaitan dengan penggunaan barang-barang atau perkhidmatan tertentu,<sup>11</sup> APD 2011 turut memberi ruang kepada pewujudan mekanisme institusi bagi mengurus dan mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan pensijilan halal.<sup>12</sup> APD 2011 menyebut bahawa Menteri boleh menamakan pihak berkuasa bagi

<sup>10</sup> Perkara 4, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

<sup>11</sup> Seksyen 28, APD 2011.

<sup>12</sup> Seksyen 29, APD 2011.

memperaku, menandakan, membekalkan atau menawarkan sesuatu barang termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal. Hasilnya Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 (selepas ini disebut sebagai Perintah Penandaan Halal) dikeluarkan dengan menamakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai agensi pensijilan halal yang berwibawa di Malaysia. Hanya JAKIM dan MAIN boleh memperakukan sesuatu makanan, barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang sebagai halal mengikut Perintah Takrif Halal 2011. Sama seperti Perintah Takrif Halal, Perintah ini turut berkuat kuasa pada 1 Januari 2012<sup>13</sup> dengan pelaksanaan sepenuhnya berkuat kuasa pada bulan Julai 2012 (Mohd Amri, 2012).<sup>14</sup> Bagi makanan dan barang-barang yang berada di pasaran sebelum Perintah ini berkuat kuasa yang hendak diperihalkan sebagai halal, hendaklah mematuhi kehendak Perkara 4 atau 5, dalam tempoh satu tahun daripada bermulanya penguatkuasaan Perintah ini.<sup>15</sup>

Melalui perakuan perihal halal, semua makanan dan barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau boleh digunakan oleh orang Islam, melainkan diperakukan dengan ditandakan logo oleh JAKIM atau MAIN. Dalam erti kata lain, JAKIM dan MAIN merupakan pihak berkuasa yang berwibawa untuk memperaku makanan, barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu halal mengikut Perintah Takrif Halal.<sup>16</sup> Oleh itu, sesuatu produk yang diperihalkan sebagai halal perlu mematuhi dua perkara: Pertama, mesti diperakukan sebagai halal oleh JAKIM atau MAIN; dan kedua, ditandakan dengan logo halal Malaysia.<sup>17</sup> Menurut Perintah Penandaan Halal dan juga Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/2011, perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan cara lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam melainkan jika diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa.

Perintah Penandaan Halal turut memperuntukkan perakuan halal berhubung dengan makanan dan barang import yang dipasarkan di

13 Perkara 1(2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

14 Menurut Bahagian Hub Halal JAKIM, tempoh Januari hingga Mac 2012 adalah tempoh bagi memberi pendidikan tentang keperluan pensijilan halal; April hingga Jun adalah tempoh untuk memberi amaran bagi pengusaha yang engkar; dan bulan Julai ke atas adalah tempoh tindakan mula diambil.

15 Perkara 9, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Tempoh peralihan satu tahun ( sehingga Disember 2012) terpakai bagi produk yang berada di pasaran yang mempunyai pembungkusan dan label halal yang tidak diiktiraf. Bagi premis makanan atau restoran, logo yang tidak diiktiraf hendaklah dilupuskan serta merta dan pihak industri perlu mendapat pensijilan halal daripada JAKIM atau MAIN kerana tiada tempoh peralihan diberikan.

16 Perkara 3, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

17 Perkara 4, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Malaysia.<sup>18</sup> Untuk tujuan ini, semua makanan dan barang import yang dipasarkan di negara ini boleh diwartakan sebagai halal melalui dua kaedah. Pihak yang mengimport barang tersebut boleh sama ada mendapat perakuan halal daripada JAKIM atau MAIN dan ditandakan dengan logo halal badan ini; ataupun memperoleh perakuan halal daripada badan pensijilan luar negara, iaitu negara pengeluar, yang diiktiraf oleh JAKIM. Bagi kaedah kedua ini, penandaan pada makanan atau barang tersebut ialah nama badan pensijilan luar negara terbabit. Perkara ini dinyatakan melalui Perintah Penandaan Halal. Untuk tujuan ini, Perintah ini turut menyenaraikan badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf, contohnya Australia, New Zealand, Belgium, China, Jepun dan Indonesia. Perkara ini walau bagaimanapun lebih bersifat teknikal.

Pewujudan perundangan subsidiari berkaitan dengan halal ini jelas selari dengan konsep halal sebagaimana yang digariskan oleh hukum syarak. Malahan penambahbaikan kepada perundangan yang turut memenuhi aspek *tayyiba* merupakan sesuatu yang amat dialu-alukan. Hal ini sekali gus menampakkan keprihatinan pihak pembuat dasar terhadap masyarakat Islam yang amat sensitif dengan permasalahan halal. Di samping itu, kesediaan pihak pembuat dasar untuk sama-sama mewujudkan, melaksanakan dan mengaplikasikan konsep *halalan tayyiban* dalam erti kata yang sebenar dapat ditunjukkan.

### Akta Makanan 1983

Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturannya, iaitu Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 merupakan perundangan yang berkaitan dengan makanan meliputi proses and amalan kebersihan. Oleh yang demikian, aspek *tayyiba* yang perlu hadir bersama dengan konsep “halal” wujud dalam perundangan ini. Sehubungan itu, selain daripada APD 2011 yang jelas memperuntukkan peraturan dan undang-undang berkaitan dengan perihalan halal, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturannya dirujuk sebagai undang-undang yang menekankan aspek *tayyiba* yang merangkumi bersih, suci, berkualiti, selamat, menyihatkan dan tidak memudaratkan.

Akta Makanan 1983 merupakan akta yang memberikan kuasa kepada Kementerian Kesihatan berhubung dengan pelabelan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan. Objektif kewujudan Akta ini adalah untuk melindungi orang ramai daripada sebarang bentuk unsur yang membahayakan kesihatan

<sup>18</sup> Peruntukan berkaitan dengan makanan dan barang import pada masa yang sama turut melibatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui penguatkuasaan Akta Kastam 1967 khususnya Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 berhubung dengan import daging halal. Dalam hal ini, pemantauan berdasarkan dokumen sokongan. Bagi barang makanan lain, tiada syarat khusus berkaitan dengan halal walaupun pihak pengimport masih perlu mengemukakan sampel tertentu.

dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.<sup>19</sup> Di bawah Akta ini, seksyen 2 mentafsirkan “makanan” sebagai meliputi setiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia. Bahan dan ramuan yang dimasukkan atau digunakan dalam campuran, penyediaan, pengawetan apa-apa makanan atau minuman termasuk dalam “makanan”. Selain itu, Akta turut mengkategorikan gula-gula dan benda kunyahan termasuk dalam maksud makanan.<sup>20</sup>

Walaupun halal bukanlah objektif utama dan secara jelas tidak disebut dalam Akta, secara tersirat turut berkaitan apabila mengambil kira aspek kebersihan, kesucian, kesihatan dan kualiti makanan yang diharapkan. Apa lagi jika takrif halal di bawah Perkara 3 (e) Perintah Takrif Halal diteliti, yakni sesuatu makanan yang “tidak beracun atau memudaratkan kesihatan”. Sehubungan itu, Akta Makanan, secara tidak langsung, adalah relevan dengan konsep *halalan tayyiban*.

Berdasarkan Akta Makanan, mana-mana orang tidak boleh menyediakan atau menjual makanan yang terdapat di dalamnya bahan yang boleh memudaratkan kesihatan. Jika disabitkan dengan kesalahan, seseorang itu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100 000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.<sup>21</sup> Bagi maksud makanan yang memudaratkan kesihatan, perhatian diberikan bukan sahaja dari segi kesan makanan itu kepada kesihatan tetapi juga kesan kumulatif yang keseluruhannya mengandungi kandungan yang sama kepada kesihatan seseorang yang memakannya. Seksyen ini jelas menepati sebahagian daripada konsep *halalan tayyiban* yang dibincangkan sebelum ini.

Selain itu, makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia turut dinyatakan di bawah Akta ini. Makanan tersebut ialah bahan binatang atau sayuran yang berpenyakit, kotor atau reput; bahagian binatang yang tidak sesuai untuk dijadikan makanan; atau hasil binatang yang sudah mati selain kerana disembelih, sama ada dikilangkan ataupun tidak.<sup>22</sup> Seseorang yang disabitkan dan didapati bersalah berhubung dengan perkara ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 000 atau penjara tidak melebihi lapan tahun atau kedua-duanya<sup>23</sup> sekali.

Di samping itu, penyediaan dan penjualan makanan hendaklah tidak mengandungi benda asing yang boleh menyebabkan makanan itu tidak lagi sesuai dimakan oleh manusia ataupun pembungkusan yang rosak yang mengakibatkan kualiti makanan itu tercemar atau rosak. Seseorang itu boleh disabitkan dengan denda tidak lebih RM30 000 atau penjara tidak lebih lima

19 Tajuk Panjang, Akta Makanan 1983.

20 Seksyen 2, Akta Makanan 1983.

21 Seksyen 13(1), Akta Makanan 1983.

22 Seksyen 13A, Akta makanan 1983.

23 Seksyen 13A(1), Akta Makanan 1983.

tahun atau kedua-duanya.<sup>24</sup> Penjual turut dilarang menyediakan atau menjual makanan yang dicampuradukkan, termasuklah menambahkan bahan tertentu atau menyebabkan perubahan kepada kandungan makanan sehingga boleh mendatangkan kemudarat kepada pembeli atau pengguna.<sup>25</sup> Tindakan ini merupakan perbuatan yang menyebabkan kualiti sesuatu makanan merosot di samping gagal mematuhi standard tertentu yang menyebabkan penalti boleh dikenakan dengan denda tidak lebih RM20 000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<sup>26</sup> Keseluruhan peruntukan ini dilihat selari dengan maksud halal di bawah Perintah Takrif Halal di samping memenuhi konsep *halalan tayyiban*.

Di samping Akta Makanan 1983 yang merupakan Akta ibu, Peraturan-peraturan Makanan 1985 (selepas ini disebut sebagai Peraturan Makanan) ialah undang-undang yang memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk menguatkuasakan peraturan berhubung dengan makanan. Akta ini mengandungi peraturan yang berkaitan dengan prosedur pengambilan sampel, pelabelan, pembungkusan dan sebagainya. Antara perkara penting yang disentuh termasuklah yang berkaitan dengan kehendak am pelabelan makanan, bahasa yang digunakan, butir pelabelan, bentuk dan cara pelabelan, saiz dan warna huruf, penandaan tarikh, pernyataan mengenai kekuatan ramuan, pembungkusan di premis jualan runcit dan perkara yang dilarang. Isu berkaitan label ini penting kerana secara tidak langsung turut menyentuh tentang perihalan halal walaupun pelabelan halal tidak di bawah peraturan ini.

Selain itu, Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 (selepas ini disebut sebagai Peraturan Kebersihan Makanan) turut relevan dalam membincangkan perkara berkaitan dengan konsep *halalan tayyiban*. Akta Makanan 1983 semata-mata tidak memadai, sebaliknya peraturan berkaitan kebersihan makanan itu sendiri amat perlu dititikberatkan, khususnya melalui penetapan Peraturan Kebersihan Makanan. Peraturan ini menetapkan hal yang berkaitan dengan kebersihan makanan termasuk premis makanan. Bagi premis makanan, bermaksud premis yang digunakan bagi atau berkaitan dengan penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pengiriman, pengedaran atau penjualan apa-apa makanan. Peraturan ini juga termasuk pelabelan semula, pemprosesan semula atau pembaikan semula makanan. Bagi tujuan pendaftaran premis makanan, Jadual Pertama menetapkan premis makanan sebagai yang berikut:

- (a) semua premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan;
- (b) semua premis makanan yang terlibat dalam katering dan katering makanan secara besar-besaran;

24 Seksyen 13A(2) dan (3), Akta Makanan 1983.

25 Seksyen 13B, Akta Makanan 1983.

26 Seksyen 13B(4), Akta Makanan 1983.

- (c) semua premis yang terlibat dalam penyediaan makanan, pemprosesan, penyimpanan dan penyajian untuk jualan;
- (d) semua kenderaan yang menjual makanan sedia dimakan.

Berdasarkan peruntukan di atas, peraturan ini relevan dengan konsep *halalan tayyiban*. Aspek kebersihan dan kesihatan merupakan dua perkara yang saling berkait dan sewajarnya tidak terhad kepada makanan semata-mata tetapi meliputi premis penyediaan dan pemprosesan sesuatu makanan. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kesemua perundangan di atas membentuk satu kerangka perundangan halal di samping memenuhi maksud *halalan tayyiban*.

## KESIMPULAN

Secara ringkas, konsep halal dari sudut syariah merangkumi maksud *halalan tayyiban* kerana kehalalan produk makanan semata-mata tidak memadai sebaliknya perlu meliputi aspek “baik” (*tayyib*) yakni bersih, suci, selamat dan berkualiti. Oleh sebab penghasilan sesuatu produk makanan merangkumi proses tertentu, bermula daripada peringkat pemilihan, penyediaan bahan, pengilangan, pengeluaran, penyimpanan, pemindahan, pengedaran sehingga produk tersebut disajikan kepada pengguna, maka “halal” hendaklah meliputi seluruh rangkaian bermula daripada sumbernya. Konsep ini apabila dikaitkan dengan perundangan di Malaysia, dapat memenuhi kerangka undang-undang sedia ada berdasarkan dua undang-undang utama, iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 melalui dua Perintah berkaitan dengan halal, dan Akta Makanan 1983 yang menekankan aspek kebersihan.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Dahlan, *et al.*, 1997. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jilid 2. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-peraturannya.
- Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) dan Peraturan-peraturan.
- Al-‘Asqalani, Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Hajar, 1997. *Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith*. Jilid 4. Riyad: Maktabah Nazar.
- Al-Amidi, Saif al-Din Abu al-Hasan Ali Ibn Abi Ali Ibn Muhammad, 1980. *Al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*. Juz.1. Lubnan: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadhan, 1982. *Dawabit al-Maslaha fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Edisi Keempat. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Al-Ghazali, 1998. *Halal dan Haram dalam Islam*. KL: Jasmine Ent.
- Al-Haithami, Nur al-Din ‘Ali bin Abi Bakr, 1412H. *Majma’al-Zawa’id wa Manba’ al-Fawaid*. No. Hadis 18099, Jld.10. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Masih, Juraih Mitri Abdul, 1993. *Mu’jam Muthowwil Lughoh*. (Juz. 1). Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad, 2004. *al-Qawa’id Fiqhiyyah*. Damsyik: Darul Qalam.
- Al-Qardhawi, Yusuf, 1994. *al-Halal wa al-Haram*. Beirut: Maktabah al-Islami.
- Al-Qardhawi, Yusuf, 2002. *al-Halal wa al-Haram fi Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Tabarani, t.t. *Mu’jam al-Ausat*. No. hadis 8610, Jld. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zarkasyi, Abi ‘Abd Allah Badr al-Din Muhammad Ibn Bahadar Ibn ‘Abd Allah, 2000. *al-Manthur fi Qawaaid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zarqa’, Sheikh Ahmad Ibn Sheikh Muhammad, 1989. *Syarah al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, 2000. *Konsep Kesihatan melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Halal Malaysia, 2012. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/2012. <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/pengumuman/258-pekeliling-pensijilan-halal-malaysia-bil-12012>
- Halim Ahmad, “Penyembelihan dan pemburuan: Antara Tuntutan Syara’ dan Sains” dlm. *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 14, hlm. 89-98, 2001.
- Ibn Al-Qayyim al-Jauziyyah, 1993. *I’lam al-Muawaqqi’*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram al-Ansari, t.t. *Lisan al-‘Arab*, Juz.13, Mesir: Dar Misriyyah.
- Ibn. Kathir, Ismail bin Kathir, t.t. *Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir; Tahqiq, Hani al-Haj*. Jilid 1. Maktabah Taufiqiyah.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Kamal, 1995. *Halal dan Haram dari Pandangan al-Quran dan Sains*. Johor: Penerbitan al-Masyhur Sdn Bhd.
- Mohamed Jusoh, “Halal Haram in Food Ingredients” dlm. *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 14, hlm. 99-112, 2001.
- Mohd Amri Abdullah, 2012. “Operasi dan Penguatkuasaan Produk Halal” dlm. [http://www2.ummc.edu.my/data/wacana-ubat/PEMANTAUAN%20HALAL%20\(Ust%20Amri%20JAKIM\).pdf](http://www2.ummc.edu.my/data/wacana-ubat/PEMANTAUAN%20HALAL%20(Ust%20Amri%20JAKIM).pdf)

Mohd Hamim Rajikin, Baharudin Omar & Suhana Sulaiman, 1997. *Pemakanan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nina M. Armado *et al.*, 2005. *Eksiklopedia Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve.

Noor ‘Ashikin Binti Hamid dan Nur Amani binti Pauzai, 2008. “Konsep Kepenggunaan Mengikut Syariah dan Aplikasinya dalam Undang-undang Malaysia”. Kertas kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan pada 15 Oktober.

Wizarah al-Awqaf wa Shu'un al-Islamiyyah, 1990. Jld.18. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Thaba'ah Zat al-Salasil.

Zarina Zakaria, “Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia” dlm. *Jurnal Syariah* 12(2), hlm. 95-106, 2004.

Zawanah Muhammad *et al.*, 2008. “Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi”. Kertas kerja seminar Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia, 6-7 Ogos, Kuala Lumpur: IKIM.